

10 MAY 1996

ANWAR MAHU HUBUNGAN DAGANGAN M'SIA-ARAB SAUDI DIPERTINGKATKAN

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata masih terdapat ruang untuk memperbaiki hubungan dagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Arab Saudi.

"Dagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara mesti berkembang lebih pesat," katanya semasa berunding dengan satu rombongan Arab Saudi yang diketuai oleh Menteri Industri dan Elektriknya Dr Hashim Abdullah Yamani, yang mengunjungi Anwar di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Rombongan itu turut dianggotai Duta Arab Saudi ke Malaysia Mohammed Hassan Abdulwali dan ketua pengarah Kementerian Industri dan Elektrik Dr Khalid Abdul Razak Dahlawi.

Dr Hashim, yang memimpin rombongan 30 anggota terdiri daripada pegawai kerajaan dan wakil sektor swasta, sedang dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia untuk meninjau peluang dan kerjasama pelaburan dalam pembuatan selain mempelajari sistem pelesenan perusahaan negara ini.

Rombongan Arab Saudi itu dijadual mengunjungi Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini dan menghadiri taklimat oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia.

Anwar berkata sungguhpun terdapat beberapa kumpulan perniagaan Arab Saudi di Malaysia, jumlahnya agak kecil dan sebab itulah kumpulan-kumpulan pelaburan Arab Saudi yang besar harus mengambil peluang daripada peluang pelaburan yang diwujudkan oleh ekonomi Malaysia yang pesat berkembang sekarang.

Sebaliknya, pelabur-pelabur Malaysia yang telah dan sedang berkembang ke dalam ekonomi-ekonomi sedang muncul seperti Vietnam juga boleh menerokai peluang-peluang yang ada di Arab Saudi, tambah Anwar.

Beliau juga memberitahu Dr Hashim tentang keputusan Malaysia berpindah daripada industri berintensifkan buruh kepada yang berintensifkan modal dan teknologi tinggi serta teknologi maklumat sebagai sebahagian daripada strategi untuk mencapai matlamat pengindustrian di bawah Wawasan 2020.

Untuk menggerakkan lagi langkah Malaysia ke taraf negara industri, rancangan sedang dibuat untuk memajukan industri aeroangkasa, katanya.

Sungguhpun begitu, Anwar yang juga menteri kewangan, berkata dalam mengejar pertumbuhan ekonomi dan pengindustrian, Malaysia akan terus memberi penekanan kepada nilai-nilai moral dan keagamaan.

Anwar dan Dr Hashim juga sepakat bahawa sebagai negara Islam, Malaysia dan Arab Saudi perlu mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi hubungan istimewa yang sedia ada antara kedua-dua negara.

Anwar seterusnya memaklumkan tetamunya itu bahawa Malaysia tidak akan berganjak daripada komitmennya untuk membangunkan semula Bosnia-Herzegovina dan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara-negara Balkan baru-baru ini membuktikan komitmen tersebut. -- BERNAMA

MR SIA